

Piagam kelestarian

Komitmen dan matlamat jangka panjang kita





Kita mencipta teknologi untuk dunia yang lestari,

Kita mengutamakan manusia dan planet ini,

Kita menjana nilai jangka panjang untuk semua pemegang taruh.

Mempercepatkan kelestarian, bersama-sama.



Di ST, komitmen kepada kelestarian adalah sebahagian daripada DNA kita dan merupakan teras cadangan nilai bagi semua pemegang taruh kita, dan kepada orang ramai, komuniti dan masyarakat umum. Kita telah mencapai keputusan yang baik merentas semua metrik kelestarian utama sepanjang 25 tahun terakhir ini, tetapi kita komited untuk melakukan lebih banyak dan mempercepatkan usaha-usaha kita - ini termasuk komitmen kita untuk menjadi neutral karbon dan memperoleh 100% sumber tenaga yang boleh diperbaharui menjelang tahun 2027.

Tujuan teknologi adalah untuk membuat kehidupan manusia lebih baik. ST menyediakan penyelesaian semikonduktor yang membantu pelanggan kita memberikan sumbangan positif kepada kehidupan orang ramai, hari ini dan pada masa hadapan. Kita percaya inovasi yang kita kembangkan turut menyumbang dalam menyelesaikan cabaran alam sekitar, sosial dan masyarakat sejagat.

Piagam kelestarian kita menunjukkan bidang penglibatan utama kita dan meringkaskan prinsip operasi dalam bagaimana kita mengendalikan perniagaan kita, serta matlamat utama yang telah kita tetapkan untuk tahun-tahun mendatang. Piagam ini merangkumi semua tapak dan fasiliti pengeluaran, dan dikenakan kepada semua jenis proses dari reka bentuk hingga pengeluaran, dan dari penyumberan hingga pelupusan bahan. Kita percaya bahawa kita boleh mempertingkatkan lagi pencapaian sekiranya kita bertindak secara kolektif dengan pelanggan, rakan kongsi, pembekal, pekerja dan organisasi kelestarian utama.”

Jean-Marc Chery

Ketua Pegawai Eksekutif & Presiden STMicroelectronics

Jean-Marc Chery

1

Kita mencipta teknologi untuk dunia yang lestari



Ketahui komitmen dan matlamat kelestarian (SG) 2021-2027 kita



“

Kita ialah pencipta dan pembuat teknologi yang membolehkan aplikasi yang bertanggungjawab, untuk kehidupan yang lebih selamat, lebih mesra alam dan lebih pintar.

MERANCANG PRODUK DAN TEKNOLOGI YANG BERTANGGUNJAWAB

Dengan melaksanakan strategi untuk penyumberan mineral secara bertanggungjawab, mengembangkan bahan pembungkusan yang bebas dari bahan berbahaya melalui program Ecopack®, dan dengan menggunakan 100% pembungkusan kitar semula.

Dengan melaksanakan proses Eco-design untuk semua produk yang dihasilkan oleh syarikat kita sejak tahun 2015.

Dengan mencipta sekurang-kurangnya 50% produk baharu yang diiktiraf sebagai Teknologi Lestari, yang memberi kesan bertanggungjawab sepanjang kitaran hidupnya.



SG1

Menjana **sekurang-kurangnya 20%** pendapatan kita dari barisan produk baharu menjelang 2025.

SG2

Menjana **sekurang-kurangnya 33%** pendapatan kita dari produk bertanggungjawab paling maju dari Teknologi Lestari kita menjelang 2027.

\$






Kesihatan dan keselamatan orang ramai merupakan perkara utama bagi kita. Kita tidak bertolak ansur dengan risiko kecederaan dan penyakit yang berkaitan dengan pekerjaan dan bertindak untuk menyokong kesejahteraan semua orang.

MEMASTIKAN KESIHATAN, KESELAMATAN, DAN KESEJAHTERAAN

Dengan menempatkan program kesihatan dan kesejahteraan pekerja di mana sahaja seperti Pelan Kesihatan ST, pencegahan risiko psikososial dan bantuan.

Dengan memastikan ergonomi berpiawaian tinggi dalam persekitaran kerja kita.

Dengan menggalakkan peningkatan secara berterusan dan kewaspadaan bersama, memperkukuhkan tingkah laku selamat dan membina penglibatan melalui pengukuhan positif.



SG3

Mencapai Kadar Kes yang Dicatatkan sebanyak **0.15%** atau lebih kurang menjelang 2025 (kecederaan dan penyakit yang berkaitan dengan pekerjaan, termasuk kontraktor).

SG4

Mengekalkan Kadar Keterukan pada **2%** atau lebih kurang setiap tahun (kecederaan dan penyakit yang berkaitan dengan pekerjaan, termasuk kontraktor).





Kita bertekad untuk menjadi contoh dan penggalak hak asasi manusia, memperkasakan manusia dan melibatkan komuniti di mana kita beroperasi.



KOMITED KEPADA HAK ASASI MANUSIA DAN MEMPERKASAKAN KOMUNITI

Dengan menunjukkan komitmen kita kepada hak buruh dan hak asasi manusia, dengan toleransi sifar untuk buruh paksa.

Dengan memperlakukan pekerja dan pekerja ST secara hormat dan bermaruah, dan dengan menyediakan keadaan bekerja yang selamat dan adil, termasuk bayaran yang adil.

Dengan memperkukuhkan budaya di tempat kerja kita, dengan menawarkan pengalaman pekerja bertaraf terbaik termasuk kualiti hidup di tempat kerja dan peluang perkembangan untuk semua.

Dengan mempersiapkan masa hadapan, menyokong pendidikan di sekolah-sekolah di semua negara di mana kita beroperasi.

Dengan menggalakkan pekerja kita untuk menganjurkan atau menyertai inisiatif komuniti mengenai topik-topik seperti alam sekitar, kebajikan sosial, perkembangan pendidikan dan ekonomi.

SG5

Mencapai **100%** tapak pengeluaran ST yang diiktiraf sebagai tanggungjawab sosial oleh badan-badan antarabangsa luaran pada tahun 2025.



SG6

Melibatkan pekerja dalam menempatkan **perkongsian STEM¹ di 20 buah negara menjelang 2025.**



1 - STEM: sains, teknologi, kejuruteraan dan matematik.



Kita percaya bahawa kepelbagaian membolehkan inovasi dan penglibatan pemegang taruh serta perkembangan peribadi dan syarikat.

MEMUPUK PERSEKITARAN KERJA YANG PELBAGAI DAN INKLUSIF

Dengan mengekalkan toleransi sifar terhadap diskriminasi di mana-mana sahaja.

Dengan merekrut dan mengekalkan tenaga kerja yang berpelbagai yang mencerminkan masyarakat dan pasaran bakat, termasuk tetapi tidak terhad kepada jantina, kurang keupayaan, dan kewarganegaraan.

Dengan memastikan ekuiti dalam perkembangan dan peluang kerjaya, dan gaji yang saksama.

Dengan memupuk sebuah budaya yang inklusif yang menghargai semua orang dan menangani prasangka buruk dan stereotaip.



SG7

Merekrut sekurang-kurangnya **30% pekerja wanita** dalam semua jawatan yang dikecualikan setiap tahun.



SG8

Mencapai **sekurang-kurangnya 20% pelantikan wanita** dalam setiap peringkat pengurusan menjelang 2025.





Kita melindungi

alam sekitar

3



Kita komited untuk menjadi neutral karbon, dan bersama rakan kongsi kita bersama memandu halatuju pengoperasian lebih inovatif.

MENGURANGKAN SEMUA PELEPASAN GAS RUMAH HIJAU DALAM OPERASI KITA

Dengan mengurangkan pelepasan langsung kita secara berterusan dalam nilai mutlak sebanyak mungkin dari segi teknikal, dengan matlamat pertengahan untuk mengurangkan pelepasan kita sebanyak 50% menjelang 2025 berbanding tahun 2018, supaya mematuhi senario 1.5°C sejajar dengan perjanjian Paris COP21.

Dengan meningkatkan penyumberan tenaga yang boleh diperbaharui:

- Merebut semua peluang untuk pemasangan solar di tapak,
- Terlibat dalam Perjanjian Pembelian Kuasa yang berkaitan dengan grid tapak kita,
- Membeli Sijil Tenaga yang Boleh Diperbaharui.

Dengan meminimumkan pelepasan pengangkutan dengan menempatkan penyelesaian yang bertanggungjawab untuk produk, logistik, perjalanan pengembaraan dan perjalanan pekerja.

Dengan mengimbangi baki pelepasan melalui program-program penghutan semula dan pampasan menjelang 2027.

Selain itu, kita menangani pelepasan udara dalam sistem pengurangan yang sesuai untuk meminimumkan kesan pencemaran.



SG9

Menjadi neutral karbon menjelang 2027 dalam semua pelepasan secara langsung atau tidak langsung dari skop 1 dan 2, dan tertumpu kepada pelepasan dari pengangkutan produk, perjalanan perniagaan dan perjalanan pekerja untuk skop 3.



SG10

Mengamalkan 100% tenaga dari sumber yang boleh diperbaharui





“ Dalam dunia di mana penggunaan tenaga itu adalah kritikal, kita sentiasa terlibat dalam pencarian penjimatan tenaga.

MENGURANGKAN PENGGUNAAN TENAGA


Dengan melaksanakan projek pemuliharaan tenaga, seperti mempertingkatkan penggunaan cekap tenaga pada tahap pengeluaran yang sama dan mengoptimumkan fasiliti, proses dan reka bentuk bangunan.

Dengan mereka bentuk dan menilai semua bangunan dan tapak pengeluaran baru sejajar dengan peraturan bangunan mesra alam dan amalan terbaik yang digunakan.

Dengan menyepadukan penggunaan cekap tenaga sebagai prinsip utama dalam reka bentuk dan pelaksanaan semua projek fasiliti.



SG11
Laksanakan program untuk mengurangkan penggunaan tenaga sekurang-kurangnya sebanyak **150 GWh setiap tahun menjelang 2027.**



“ Kita berasa bertanggungjawab dan wajib menanggung semua cabaran berkaitan air di mana sahaja kita beroperasi.

MENGURANGKAN PENGGUNAAN AIR DAN MENANGANI RISIKO KEKURANGAN SETEMPAT

Dengan menilai dan menaksir tahap tekanan air di semua tapak pengeluaran kita dengan mempertimbangkan kekangan setempat yang dihadapi.

Dengan memastikan semua air terpakai dirawat sewajarnya sebelum dibuang kembali ke alam semula jadi.

Dengan mempertingkatkan penggunaan cekap air secara berterusan merentas operasi kita.



SG13
Mempertingkatkan penggunaan cekap air **sebanyak 20% menjelang 2025** berbanding 2016.

SG14
Mengitar semula sekurang-kurangnya **50%** air yang digunakan setiap tahun.





“ Bersama dengan pelanggan dan rakan kongsi, kita bertekad untuk mencapai sifar sisa; kita menjadi contoh bagi perubahan yang ingin kita lihat di dunia ini.

MENGURANGKAN SISA DAN
MENGALAKKAN EKONOMI PEKELILING


Dengan melaksanakan program untuk meminimumkan penggunaan sumber yang tidak perlu merentas operasi kita.

Dengan bertekad untuk mencapai sifar sisa berbahaya di tapak pelupusan sampah, termasuk di lokasi di mana ini bukan satu kehendak undang-undang: menggunakan inovasi untuk menggantikan bahan berbahaya dan/atau menggunakan semula sebanyak mungkin dalam satu pendekatan pekeliling.

Dengan meminimumkan sisa yang terjana daripada aktiviti kita, mengitar semula, dan akhir sekali melaksanakan program-program ekonomi pekeliling untuk baki sisa.

SG15
Pastikan kadar sisa di tapak pelupusan sampah tahunan di bawah 3%.

SG16
Guna atau kitar semula 95% daripada sisa menjelang 2025.



Kita menjana
nilai jangka panjang untuk
semua pemegang taruh.



Kita prihatin dalam melakukan perkara yang betul. Integriti merupakan asas budaya dan ia mendorong kita dalam keputusan harian.

MEMASTIKAN CARA BEKERJA YANG BERETIKA

- Dengan meletakkan integriti, rasa hormat, **kebertanggungjawaban**, sebagai teras dalam proses pembuatan keputusan, sejajar dengan Tatakelakuan dan nilai kita (Warga, Integriti, Kecemerlangan).
- Dengan menguatkuasakan **dasar sifar toleransi** terhadap sebarang bentuk sogokan dan rasuah.
- Dengan menggalakkan **budaya bersuara** di mana semua orang berasa selesa untuk tampil ke hadapan tanpa rasa takut akan ada pembalasan.
- Dengan mengembangkan dan menempatkan **komunikasi secara proaktif**, kesedaran dan modul latihan menyokong program-program Pematuhan, Etika dan Privasi kita.


Dengan menerapkan **privasi** sebagai satu tanggungjawab sosial sama dengan cara kita mengumpul dan menggunakan maklumat peribadi para pemegang taruh kita.

2 - Para pekerja yang memegang jawatan biasanya memerlukan pendidikan lepasan ijazah sarjana muda atau sarjana dan merupakan seseorang yang tidak layak untuk menerima pampasan kerja lebih masa.



SG17
Pastikan setiap tahun bahawa **100%** daripada pekerja kita mempunyai akses kepada dan sedar akan talian bantuan bagi etika dan pematuhan kita.

SG18
Pastikan setiap tahun bahawa **100%** daripada pekerja yang dikecualikan² menandatangani perjanjian untuk mematuhi Tatakelakuan dan prosedur berkaitan.



Kita melihat pengurusan risiko sebagai satu peluang untuk ketahanan, ketangkasan, dan pertumbuhan. Kita menanamkan pengenalan, penilaian, dan pengurangan risiko secara sistemik dalam operasi kita.

MENANAMKAN PENGURUSAN RISIKO DI MANA-MANA SAHAJA

- Dengan pematuhan di semua tapak pengeluaran kita dengan kriteria Risiko Perlindungan Tinggi (HPR) atau Risiko Perlindungan Secukupnya (APR) bagi Program³ Pencegahan Kerugian kita.
- Dengan menilai dan mengurangkan secara sistematik atau menyingkirkan risiko-risiko sosial, persekitaran, kesihatan, keselamatan, dan etika di dalam operasi dan rantaian bekalan lanjutan.
- Dengan mengamalkan pendekatan prinsip berjaga-jaga ketika menilai kesan persekitaran, kesihatan dan keselamatan bagi proses operasi bahru, kimia dan bahan.
- Dengan mengawal, mengurangkan, atau menyingkirkan bahan-bahan yang membimbangkan dan risiko dalam proses dan aktiviti kita.

3 - Program Pencegahan Kerugian: Pastikan tapak-tapak ST mempunyai tahap perlindungan yang sewajarnya bagi menghadapi api kebakaran, bahaya yang berkaitan (asap, hakisan, haba dan air) dan risiko-risiko lain (bahaya semulajadi...)
4 - RMI: RMI: Inisiatif Mineral Bertanggungjawab - adalah salah satu sumber yang paling banyak digunakan dan dihormati bagi syarikat-syarikat dari pelbagai industri yang menangani masalah sumber mineral yang bertanggungjawab dalam rantaian bekalan mereka.




SG19
Ikuti piawaian tertinggi bagi **100%** daripada bahan yang kita gunakan: Pengurusan Proses Bahan Berbahaya (IECQ 080000) dan inisiatif penyumberan bertanggungjawab, seperti RMI⁴.

SG20
Mengendalikan penilaian risiko tahunan bagi rantaian bekalan dan mengaudit **100%** pembekalan berisiko tinggi kita menjelang 2025.



“ Kita mendengarkan pekerja, pelanggan, pelabur, dan rakan kongsi, mempertimbangkan jangkaan mereka, dan bekerjasama untuk mencapai kejayaan bersama.



MELIBATKAN SEMUA PEMEGANG TARUH

Dengan melibatkan para pemegang taruh dalam semua kategori dalam sebuah penilaian kebendaan menyeluruh setiap tiga tahun.

Dengan melibatkan pembekal dan subkontraktor dalam perjalanan kelestarian kita ini dengan menyediakan latihan dan sokongan, dan meminta pensijilan ISO 14001, ISO 45001, dan ISO 50001.

Dengan mengendalikan proses ketekunan wajar dalam rantai bekalan sub-peringkat untuk memastikan yang kita tidak memperolehi bahan-bahan mentah yang secara langsung atau tidak langsung dikaitkan dengan pelanggaran hak asasi manusia dan meminimumkan kesan terhadap alam sekitar.

Dengan menempatkan piawan pemerolehan yang mesra alam termasuk, tetapi tidak terhad kepada, bahan, utiliti, barangan, dan perkhidmatan yang memberi kesan rendah.

Dengan menubuhkan jalinan perkongsian jangka panjang dengan pelanggan selaras dengan keperluan kelestarian mereka.

SG21

Mengurangkan lagi cacat cела sebanyak **20% bagi setiap unit pengeluaran** menjelang 2027 (berbanding 2020).

SG22

Mencapai kadar penglibatan pekerja sekurang-kurangnya **10 mata peratusan** melebihi norma tempatan di semua negara utama menjelang 2025.



“ Kita menghargai ketelusan dan kepercayaan. Kita mengesan secara berterusan dan berkongsi kejayaan dan cabaran kita secara konsisten dengan pemegang taruh kita.

MENJEJAK DAN MELAPORKAN KEMAJUAN KITA

Dengan memantau kemajuan kita secara berterusan, termasuk audit berkala ke atas tapak terbesar kita di seluruh dunia, dan memastikan peningkatan secara berterusan melalui pencegahan ketat dan tindakan pembetulan.

Dengan memperakui dan mengesahkan semua tapak-tapak pengeluaran baharu menurut ISO dan EMAS dalam masa 18 bulan dari permulaan operasi.

Dengan menjadi ahli yang aktif dalam Perikatan Perniagaan Bertanggungjawab (RBA), dan berkongsi keputusan audit RBA dengan pelanggan.

Dengan melaporkan cabaran kita secara telus, Peluang dan kemajuan dalam laporan kelestarian tahunan kita, sejajar dengan piawaian pelaporan yang diiktiraf di peringkat antarabangsa, dan mendapatkan pengesahan pihak ketiga.



SG23

Melaporkan secara tahunan kemajuan kita bagi **semua matlamat jangka panjang kita**, mengikuti piawaian yang paling maju.

SG24

Mengekalkan pensijilan bagi **100%** tapak pengeluaran (ISO 14001, ISO 45001, ISO 14064, ISO 50001).





**ACCELERATING SUSTAINABILITY
TOGETHER**

